

UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) dipilih untuk berkongsi kepakaran dengan Al-Madinah International University, Arab Saudi melalui kerjasama antara kedua-dua universiti ini demi kepentingan negara Islam sejagat.

Rektor Al-Madinah International University, Prof Dr Mohammad Khalifa Al-Tamimi berkata, UUM mempunyai kepakaran dalam bidang pengurusan kewangan Islam serta mempunyai kekuatan pengurusan yang terbaik.

"Saya percaya UUM dan Al-Madinah International University mampu berkongsi kepakaran masing-masing dan kerjasama ini adalah untuk disebar ke peringkat global," katanya.

Menurut Dr Mohammad Khalifa, antara tujuan penubuhan Al-Madinah International University adalah untuk menyampaikan sesuatu yang mampu memberi manfaat yang baik kepada universiti seluruh dunia.

"Usaha kerjasama ini sangat tepat kerana Malaysia merupakan negara Islam yang aman dan harmoni," katanya ketika berucap di Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di EDC UUM, di sini, semalam.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Rosna Awang Hashim berkata kerjasama antara kedua-dua universiti ini bakal membuka laluan ke arah pasaran Timur Tengah.

"Kita sedia maklum bahawa Al-Madinah International University mempunyai banyak cawangan seluruh dunia, akan tetapi ini merupakan MoU pertama untuk menjalin kerjasama antara UUM dan universiti di Timur Tengah," katanya.

MoU ini membolehkan kedua-dua universiti mengadakan kerjasama dalam bidang pengurusan perniagaan dan penyelidikan.

Tambah Dr Rosna, kerjasama tersebut bakal mengukuhkan lagi Kolej Perniagaan Islam yang bakal ditubuhkan di *UUM College of Business* (UUM COB).

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my